



**PROSEDUR AM
OPERASI STANDARD (SOP)
PELAKSANAAN MAJLIS
KONVOKESYEN KE-49
UNIVERSITI KEBANGSAAN
MALAYSIA (UKM)**

TARIKH KUATKUASA: 3 NOVEMBER 2021

Disediakan	Disemak dan Disahkan
Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH) UKM	Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Penyakit Berjangkit
Tarikh : 29 Oktober 2021	Tarikh : 3 November 2021

1.0 TUJUAN

Prosedur ini bertujuan untuk menerangkan tatacara bagi pelaksanaan Majlis Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia Ke-49.

2.0 PEMAKAIAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)

2.1 Garis panduan ini bertujuan menjelaskan tatacara menguruskan kehadiran **SEMUA** individu ke Majlis Konvokesyen Ke-49 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) selaras dengan:

2.1.1. Pelan Pemulihan Negara (PPN) - Prosedur Operasi Standard Fasa 4 (Tarikh Kemas kini 11 Oktober 2021);

2.1.2. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.16/2021 bertarikh 5 Oktober 2021;

2.1.3. Kenyataan Media YAB Perdana Menteri berkaitan Peralihan Fasa dan Kelonggaran Baharu bertarikh 29 September 2021;

2.1.4. Garis Panduan Kemasukan Pembekal/ Kontraktor Perkhidmatan/ Kerja Ke Kampus/ Premis Universiti Kebangsaan Malaysia Semasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 4; dan

2.1.5. Pekeliling Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM) Bil. 14/2021 COVID-19 bertarikh 20 Oktober 2021.

2.2 Pemakaian SOP ini tertakluk juga kepada SOP semasa yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa di Malaysia.

2.3 Majlis rasmi Kerajaan dibenarkan bagi individu yang telah lengkap menerima vaksin tertakluk kepada kapasiti ruang dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.

3.0 TANGGUNGJAWAB

3.1 Prosedur ini terpakai kepada **SEMUA** yang menghadiri dan bertugas semasa Majlis Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia Ke-49.

3.2 Hanya individu yang **telah lengkap divaksin dan melebihi tempoh keberkesanan (matang) DIBENARKAN** masuk ke kampus UKM.

3.3 Semua individu **WAJIB** untuk membuat pendaftaran dengan mengimbas kod QR melalui aplikasi MySejahtera sebelum memasuki premis/ sebelum Majlis Konvokesyen bermula.

3.4 Hanya individu lengkap divaksin dengan status **Risiko Rendah (Low Risk)** atau "**Casual Contact Low Risk**" di dalam MySejahtera **dibenarkan** masuk ke dalam dewan.

3.5 Hanya individu yang tidak **bergejala** COVID-19 dibenarkan masuk.

- 3.6 Tempoh keberkesanan (matang) merujuk kepada individu yang telah memenuhi kriteria-kriteria berikut:
- i. Bagi jenis vaksin yang memerlukan dua (2) dos suntikan (seperti Cormirnaty (PfizerBioNTech), COVID-19 AstraZeneca (Oxford-AstraZeneca), CoronaVac (Sinovac), Spikevax (Moderna) dan Covilo (Sinopharm)), individu berkenaan mesti telah melepasi hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua; atau
 - ii. Bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu (1) dos suntikan (seperti COVID-19 Janssen (Johnson & Johnson) dan Convidecia (CanSino)), individu berkenaan mesti telah melepasi hari ke-28 dari tarikh suntikan.
- 3.7 Individu yang tidak boleh divaksin atas sebab kesihatan, perlu:
- i. Mengemukakan borang pengecualian vaksinasi yang telah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar ([Borang Pengesahan Pengamal Perubatan Berdaftar Bagi Pengecualian Penerimaan Vaksin Covid-19](#)) dan dihantar ke Pusat Pengurusan Akademik di alamat konvo@ukm.edu.my selewat-lewatnya pada 20 November 2021; dan
 - ii. Menunjukkan bukti laporan ujian RTK-Antigen dengan keputusan negatif yang dijalankan 3 hari sebelum hadir ke Majlis Konvokesyen; dan/ atau
 - iii. Menjalani *pre event test* menggunakan kit ujian sendiri saliva yang dilaksanakan sebelum majlis berlangsung. Kit disediakan oleh Pusat Kesihatan Universiti dengan kos ditanggung oleh individu.

4.0 PENGANJURAN TIDAK DIBENARKAN JIKA:

- 4.1 Risiko tinggi dan sukar untuk mengawal keadaan di mana terdapat terlalu ramai orang pada satu-satu masa sama ada sebelum, semasa atau selepas penganjuran.
- 4.2 Sukar untuk mengawal keperilakuan.

TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB

Perkara	Penerangan Ringkas
Pengurusan Dewan, Bilik, Kaunter dan ruang seumpama dengannya.	<p><u>Tindakan Jawatankuasa dan Urus Setia Majlis Konvokesyen:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Penggunaan dihadkan kepada 50% daripada kapasiti biasa sesebuah ruang dengan mengambil kira penjarakan fizikal pada jarak sekurang-kurangnya 1 meter. 2. Tempat duduk di dalam ruang dewan WAJIB mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter antara susunan tempat duduk. 3. Memastikan VENTILASI DAN SISTEM PENGUDARAAN yang baik. 4. Cecair pembasmi kuman disediakan di tempat-tempat strategik di kawasan dewan, bilik, kaunter dan ruang yang digunakan. 5. Semua Jawatankuasa dan Urus Setia diwajibkan memakai pelitup muka dengan betul mengikut saranan KKM iaitu pelitup muka standard (3 ply) bersama pelitup muka fabrik dan <i>face shield</i>.
Saringan Kesihatan di Setiap Pintu Masuk: <ol style="list-style-type: none"> i. Pintu Masuk Utama ii. Pintu Masuk Lobi A iii. Pintu Masuk Lobi B iv. Pintu Masuk lain yang ditetapkan 	<p><u>Tindakan Jawatankuasa dan Urus Setia Majlis Konvokesyen:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Memeriksa Sijil Digital Vaksinasi di aplikasi MySejahtera pada individu yang akan memasuki dewan. 2. Memastikan hanya individu yang telah lengkap divaksin dan melebihi tempoh keberkesanan (matang) DIBENARKAN memasuki dewan. 3. Bagi individu yang tidak boleh divaksin atas sebab kesihatan, pastikan individu berkenaan: <ol style="list-style-type: none"> i. Mengemukakan borang pengecualian vaksinasi yang telah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar (Borang Pengesahan Pengamal Perubatan Berdaftar Bagi Pengecualian Penerimaan Vaksin Covid-19) dan dihantar ke Pusat Pengurusan Akademik di alamat konvo@ukm.edu.my selewat-lewatnya pada 20 November 2021; dan ii. Menunjukkan bukti laporan ujian RTK-Antigen dengan keputusan negatif yang dijalankan 3 hari sebelum hadir ke Majlis Konvokesyen; dan/ atau iii. Menjalani <i>pre event test</i> menggunakan kit ujian sendiri saliva yang dilaksanakan sebelum majlis berlangsung. Kit disediakan oleh Pusat Kesihatan Universiti dengan kos ditanggung oleh individu.

Perkara	Penerangan Ringkas
	<p>4. Kaunter saringan kesihatan hendaklah diwujudkan di pintu masuk bertujuan memastikan bilangan kehadiran, membuat pemeriksaan suhu badan, saringan gejala batuk, sakit tekak, selsema dan sesak nafas. Individu dengan suhu badan melebihi 37.5 Celsius atau bergejala TIDAK DIBENARKAN masuk.</p> <p>5. Menyediakan bilangan kaunter saringan kesihatan yang bersesuaian dengan kapasiti graduan dan individu terlibat.</p> <p>6. Semua petugas Majlis Konvokesyen perlu menjalani saringan kesihatan (untuk memastikan tidak bergejala) sebelum mengendalikan setiap majlis.</p> <p>7. Semua petugas perlu mengemaskini status kesihatan melalui aplikasi MySejahtera.</p> <p>8. Petugas di kaunter saringan kesihatan perlu memastikan semua graduan dan individu yang terlibat membersihkan tangan menggunakan cecair pembasmi kuman.</p> <p>9. Semasa graduan menunggu giliran di kaunter saringan, penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter mesti dipatuhi. Tanda penjarakan fizikal perlu disediakan dengan jelas.</p> <p>10. Semua graduan dan individu yang terlibat diwajibkan memakai pelitup muka dengan betul mengikut saranan KKM iaitu pelitup muka standard (3 <i>ply</i>) bersama pelitup muka fabrik khas Majlis Konvokesyen. Kegagalan mematuhi akan menyebabkan individu tersebut dilarang memasuki dewan.</p> <p>11. Mengawal pintu masuk dan kehadiran graduan serta individu yang masuk ke dalam dewan.</p> <p><u>Tindakan Graduan Dan Individu Terlibat:</u></p> <p>1. Graduan hendaklah tiba awal ke majlis selewat-lewatnya 45 minit lebih awal daripada jadual Majlis Konvokesyen yang ditetapkan.</p> <p>2. Mengemukakan Sijil Digital Vaksinasi kepada petugas di pintu masuk.</p> <p>3. Sijil Digital Vaksinasi yang ditangkap skrin (<i>screenshot</i>) adalah tidak dibenarkan.</p> <p>4. Hanya individu yang telah lengkap divaksin dan melebihi tempoh keberkesanan (matang) DIBENARKAN memasuki dewan.</p>

Perkara	Penerangan Ringkas
	<p>5. Bagi individu yang tidak boleh divaksin atas sebab kesihatan, pastikan:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Mengemukakan borang pengecualian vaksinasi yang telah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar (Borang Pengesahan Pengamal Perubatan Berdaftar Bagi Pengecualian Penerimaan Vaksin Covid-19) dan dihantar ke Pusat Pengurusan Akademik di alamat konvo@ukm.edu.my selewat-lewatnya pada 20 November 2021; dan ii. Menunjukkan bukti laporan ujian RTK-Antigen dengan keputusan negatif yang dijalankan 3 hari sebelum hadir ke Majlis Konvokesyen; dan/ atau iii. Menjalani <i>pre event test</i> menggunakan kit ujian sendiri saliva yang dilaksanakan sebelum majlis berlangsung. Kit disediakan oleh Pusat Kesihatan Universiti dengan kos ditanggung oleh individu. <p>6. Setiap graduan dan individu terlibat perlu mengemaskini status kesihatan melalui aplikasi MySejahtera.</p> <p>7. Hanya individu dengan status Risiko Rendah (Low Risk) atau “Casual Contact Low Risk” di dalam MySejahtera dibenarkan masuk ke dalam dewan.</p> <p>8. Mengikut arahan Petugas di kaunter saringan kesihatan di pintu masuk bagi menjalani pemeriksaan suhu badan. Individu dengan suhu badan melebihi 37.5 Celsius atau bergejala TIDAK DIBENARKAN masuk.</p> <p>9. Semua graduan dan individu yang terlibat perlu membersihkan tangan menggunakan cecair pembasmi kuman yang disediakan.</p> <p>10. Semasa menunggu giliran di kaunter saringan, patuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dengan mengikut penandaan yang telah ditetapkan oleh penganjur.</p> <p>11. Semua graduan dan individu yang terlibat diwajibkan memakai pelitup muka dengan betul mengikut saranan KKM iaitu pelitup muka standard (3 <i>ply</i>) bersama pelitup muka fabrik khas Majlis Konvokesyen) sepanjang majlis berlangsung.</p>

Perkara	Penerangan Ringkas
Pendaftaran Graduan dan Individu Yang Terlibat Menggunakan Aplikasi MySejahtera	<p><u>Tindakan Jawatankuasa dan Urus Setia Majlis Konvokesyen:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan Kod QR bagi aplikasi MySejahtera yang mencukupi di lokasi yang strategik dan di Pintu Masuk. 2. Urus setia memastikan semua graduan dan individu yang terlibat menggunakan Imbasan kod QR melalui aplikasi MySejahtera. 3. Memeriksa Sijil Digital Vaksinasi setiap graduan dan individu terlibat yang akan masuk memasuki dewan. <p><u>Tindakan Graduan dan Individu Terlibat:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Semua graduan dan individu terlibat mesti membuat pendaftaran dengan mengimbas kod QR melalui aplikasi MySejahtera. 2. Mengemukakan Sijil Digital Vaksinasi kepada petugas di pintu masuk. 3. Sijil Digital Vaksinasi yang ditangkap skrin (<i>screenshot</i>) adalah tidak dibenarkan.
Kaunter Semakan Kad	<p><u>Tindakan Jawatankuasa dan Urus Setia Majlis Konvokesyen:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Semasa graduan menunggu giliran di kaunter semakan kad, pastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter mesti dipatuhi. Tanda penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter tersebut perlu disediakan dengan jelas. <p><u>Tindakan Graduan:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Semasa menunggu giliran di kaunter, patuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dengan mengikut penandaan yang telah ditetapkan oleh penganjur.

Perkara	Penerangan Ringkas
Taklimat Keselamatan & Kesihatan	<p><u>Tindakan Jawatankuasa dan Urus Setia Majlis Konvokesyen:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sebelum memulakan majlis, Taklimat Keselamatan dan Taklimat Kesihatan COVID-19 hendaklah diberikan kepada semua hadirin dalam dewan. 2. Taklimat Keselamatan merangkumi tatacara keluar daripada bangunan sekiranya berlaku kecemasan dan menyatakan lokasi tempat berkumpul yang selamat dan terdekat (rujuk Lampiran 1), manakala Taklimat Kesihatan COVID-19 merangkumi peringatan kepada semua hadirin mengenai “Elakkan 3S” dan “Amalkan 3W” (rujuk Lampiran 2). <p><u>Tindakan Graduan dan Individu Terlibat:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Semua graduan dan individu yang terlibat diwajibkan memberi sepenuh perhatian kepada Taklimat Keselamatan dan Taklimat Kesihatan COVID-19 yang diberikan oleh penganjur serta mematuhi.
Kedudukan di dalam dewan	<p><u>Tindakan Jawatankuasa dan Urus Setia Majlis Konvokesyen:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyusun dan menanda kedudukan tempat duduk di dalam ruang dewan. Penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter antara susunan tempat duduk. 2. Menyelaras dan memastikan jemputan duduk di tempat yang telah ditetapkan. 3. Memastikan graduan dan jemputan kekal di kedudukan masing-masing sepanjang majlis berlangsung. 4. Menyelaras dan memastikan kelancaran pergerakan graduan dan jemputan sekiranya terdapat sebarang kecemasan atau keperluan untuk bergerak daripada tempat duduk. 5. Memastikan tiada individu yang berkumpul di mana-mana lokasi di dalam dewan tanpa kebenaran. <p><u>Tindakan Graduan dan Individu Terlibat:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengambil kedudukan seperti yang ditanda dan ditetapkan oleh jawatankuasa & urus setia. 2. Sentiasa mematuhi arahan yang diberikan oleh jawatankuasa dan urus setia dari semasa ke semasa. 3. Sentiasa mematuhi semua SOP yang telah ditetapkan seperti memakai pelitup muka dan mengekalkan penjarakan fizikal

Perkara	Penerangan Ringkas
	<p>sekurang-kurangnya 1 meter.</p> <p>4. Mendapatkan bantuan daripada urus setia sekiranya terdapat sebarang masalah atau keperluan untuk ke tandas.</p>
<p>Pergerakan dan tindakan di atas pentas</p>	<p><u>Tindakan Jawatankuasa dan Urus Setia Majlis Konvokesyen:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyusun dan menanda pergerakan graduan di atas pentas bagi penerimaan skrol. 2. Memastikan tanda arah laluan pergerakan graduan dan tanda penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter disediakan dengan jelas. 3. Memastikan graduan mematuhi SOP Penerimaan Skrol. 4. Menyediakan meja khas untuk Penyampai meletakkan skrol graduan. <p><u>Tindakan Graduan:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sentiasa mematuhi arahan yang diberikan oleh jawatankuasa dan urus setia. 2. Bergerak ke pentas apabila diarahkan sahaja. 3. Naik ke atas pentas mengikut laluan yang ditetapkan. 4. Mengekalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter. 5. Mematuhi SOP Penerimaan Skrol dengan cara mengambil skrol yang telah diletakkan oleh Penyampai di atas meja khas yang ditetapkan (Video SOP Majlis Konvokesyen di laman sesawang Majlis Konvokesyen UKM Ke-49). 6. Tidak melakukan perkara yang dilarang atau tidak sopan semasa berada di atas pentas.
<p>Pergerakan keluar daripada dewan</p>	<p><u>Tindakan Jawatankuasa dan Urus Setia Majlis Konvokesyen:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Memastikan semua graduan dan jemputan kekal di tempat duduk masing-masing sehingga kebenaran untuk keluar diberikan. 2. Memberikan arahan dan menyelaras pergerakan keluar graduan dan jemputan melalui pintu keluar yang ditetapkan. 3. Memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dikekalkan sepanjang masa.

Perkara	Penerangan Ringkas
	<p><u>Tindakan Graduan dan Individu Terlibat:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kekal berada di tempat duduk masing-masing sehingga kebenaran untuk keluar diberikan oleh urus setia. 2. Bangun dan keluar secara teratur mengikut aturan dan arah yang telah ditetapkan. Pastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dikekalkan sepanjang masa.
Ruang Majlis	<p><u>Tindakan Jawatankuasa dan Urus Setia Majlis Konvokesyen:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Melakukan pembersihan ruang dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan semua ruang sebelum dan selepas sidang konvokesyen serta proses sanitasi dilakukan setiap kali selesai sidang konvokesyen. 2. Memastikan VENTILASI DAN SISTEM PENGUDARAAN yang baik. 3. Menyusun dan menanda kedudukan tempat duduk di dalam ruang majlis. Penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter antara susunan tempat duduk. 4. Sebarang penyediaan makanan adalah sama ada secara bungkusan (<i>pack-food</i>), hidang (<i>served</i>), <i>dome setting</i> atau <i>buffet</i> yang diselihkan oleh pramusaji untuk mencedok makanan ke pinggan tetamu. Pramusaji diwajibkan untuk menggunakan sarung tangan pakai buang (<i>disposable gloves</i>) bagi mencedok makanan ke pinggan. 5. Penggunaan tandas perlu dihadkan mengikut jumlah bilik tandas yang ada pada satu-satu masa dan memastikan sabun disediakan. 6. Memastikan TIADA individu yang berkumpul dan berhimpun di mana-mana lokasi di dalam dan di luar dewan sebelum atau selepas majlis. <p><u>Tindakan Graduan dan Individu Terlibat:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengambil kedudukan seperti yang telah ditanda atau ditetapkan oleh jawatankuasa dan urus setia. 2. Tidak bersesak di dalam tandas atau mana-mana ruang di dewan. 3. DILARANG berkumpul atau berhimpun di luar ruang dewan sebelum atau selepas selesai majlis.
Pengoperasian Majlis (semasa)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Majlis hendaklah ditamatkan jika penjarakan fizikal tidak dipatuhi dan keadaan menjadi tidak terkawal. 2. Majlis hendaklah dilaksanakan dalam kadar segera dan tempoh majlis tidak melebihi 4 jam.

Perkara	Penerangan Ringkas
	3. Graduan dan individu hanya boleh mengambil gambar dari tempat duduk masing-masing sahaja.
Selepas majlis selesai	<p><u>Tindakan Graduan dan Individu Terlibat:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mematuhi penjarakan fizikal dan kekal memakai pelitup muka. 2. Tidak berkumpul di luar dewan. 3. Segera meninggalkan kawasan dewan. 4. Tiada sesi fotografi di dalam kampus yang dibenarkan melainkan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.
Pendaftaran dan Saringan Kesihatan Pembekal/ Kontraktor Perkhidmatan / Kerja	<p><u>Tindakan Jawatankuasa/ Pihak Bertanggungjawab Yang Berurusan Dengan Pembekal/ Kontraktor Perkhidmatan/ Kerja</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Urus setia memastikan semua pembekal/ kontraktor perkhidmatan/ kerja yang terlibat menggunakan Imbasan kod QR melalui aplikasi MySejahtera. 2. Memeriksa Sijil Digital Vaksinasi pembekal/ kontraktor perkhidmatan/ kerja di aplikasi MySejahtera sebelum memasuki dewan. 3. Memastikan hanya individu yang telah lengkap divaksin dan melebihi tempoh keberkesanan (matang) DIBENARKAN memasuki dewan. 4. Memastikan semua pembekal/ kontraktor perkhidmatan/ kerja yang akan memasuki dewan membuat pemeriksaan suhu badan, saringan gejala batuk, sakit tekak, selsema dan sesak nafas. Individu dengan suhu badan melebihi 37.5 Celsius atau bergejala TIDAK DIBENARKAN masuk. 5. Petugas di kaunter saringan kesihatan perlu memastikan semua pembekal/ kontraktor perkhidmatan/ kerja yang terlibat membersihkan tangan menggunakan cecair pembasmi kuman dan kehadiran mereka direkodkan. 6. Semua pembekal/ kontraktor perkhidmatan/ kerja yang terlibat diwajibkan memakai pelitup muka dengan betul mengikut saranan KKM iaitu pelitup muka standard (3 ply) bersama pelitup muka fabrik dan <i>face shield</i>. Kegagalan mematuhi akan menyebabkan

Perkara	Penerangan Ringkas
	<p>individu tersebut dilarang memasuki dewan.</p> <p>7. Boleh merujuk kepada Garis Panduan Kemasukan Pembekal/ Kontraktor Perkhidmatan/ Kerja Ke Kampus/ Premis Universiti Kebangsaan Malaysia Semasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 4.</p> <p><u>Tindakan Pembekal/ Kontraktor Perkhidmatan/ Kerja Yang Terlibat:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Setiap pembekal/ penyelia kontraktor perkhidmatan/ kerja perlu memastikan pekerja mematuhi semua prosedur operasi standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan/ atau Garis Panduan Kemasukan Pembekal/ Kontraktor Perkhidmatan/ Kerja Ke Kampus/ Premis Universiti Kebangsaan Malaysia Semasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 4 sepanjang keberadaan di dewan. 2. Semua pembekal/ kontraktor perkhidmatan/ kerja terlibat mesti membuat pendaftaran dengan mengimbas kod QR melalui aplikasi MySejahtera. 3. Mengemukakan Sijil Digital Vaksinasi kepada petugas di pintu masuk. 4. Sijil Digital Vaksinasi yang ditangkap skrin (<i>screenshot</i>) adalah tidak dibenarkan. 5. Hanya individu yang telah lengkap divaksin dan melebihi tempoh keberkesanan (matang) DIBENARKAN memasuki dewan. 6. Setiap pembekal/ Penyelia kontraktor perkhidmatan/ kerja perlu memastikan semua pekerja mengemaskini status kesihatan melalui aplikasi MySejahtera. 7. Mengikut arahan Petugas di kaunter saringan kesihatan di pintu masuk bagi menjalani pemeriksaan suhu badan. Individu dengan suhu badan melebihi 37.5 Celsius atau bergejala TIDAK DIBENARKAN masuk. 8. Semua pembekal/ kontraktor perkhidmatan/ kerja yang terlibat perlu membersihkan tangan menggunakan cecair pembasmi kuman. 9. Semasa menunggu giliran di kaunter saringan, patuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dengan mengikut penandaan yang telah ditetapkan oleh penganjur. 10. Semua pembekal/ kontraktor perkhidmatan/ kerja yang terlibat diwajibkan memakai pelitup muka dengan betul mengikut saranan

Perkara	Penerangan Ringkas
	KKM iaitu pelitup muka standard (3 <i>ply</i>) bersama pelitup muka fabrik dan <i>face shield</i> sepanjang majlis berlangsung.